

**PERTUMBUHAN MUZIUM-MUZIUM PERSENDIRIAN DI
GEORGE TOWN, PULAU PINANG: DAMPAK KEPADA
INDUSTRI PELANCONGAN DAN PERKEMBANGAN
SOSIAL MASYARAKAT**

NURNIKMAH BINTI ZAINUDDIN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERTUMBUHAN MUZIUM-MUZIUM PERSENDIRIAN DI
GEORGE TOWN, PULAU PINANG: DAMPAK KEPADA
INDUSTRI PELANCONGAN DAN PERKEMBANGAN
SOSIAL MASYARAKAT**

DISEDIAKAN OLEH:

NURNIKMAH BINTI ZAINUDDIN

C20A1580

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

Nikmah

Tandatangan

Nama pelajar : NURNIKMAH BINTI ZAINUDDIN
No. Matrik : C20A1580
Tarikh : 13 FEBRUARI 2024

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia : _____
Cop : _____
Tarikh : _____

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya bersyukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya berhasil menyelesaikan tugas ini dengan jayanya. Saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada pihak universiti atas kesempatan yang diberikan untuk menyelesaikan tugas ini, serta fasiliti seperti perpustakaan dan internet yang telah disediakan untuk memudahkan saya dalam mengumpulkan bahan rujukan berkaitan dengan topik tugas saya.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Cik Noridayu binti Bakry, Puan Farah Atikah binti Saari dan Encik Gooi Liang Jun, yang telah menjadi pembimbing saya untuk menyiapkan tugas ini. Mereka memberikan bimbingan dan penjelasan yang sangat membantu sejak awal tugas diberikan hingga proses penyelesaian.

Tidak lupa, terima kasih kepada orang tua saya yang telah memberikan dukungan, dorongan, dan sokongan kewangan untuk menyelesaikan tugas ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bekerjasama dan berbagi idea untuk membantu saya menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Terakhir, saya berharap bahawa hasil kajian saya dapat menambah pengetahuan saya. Saya juga ingin meminta maaf jika terdapat kesalahan atau kekurangan dalam tugas ini. Semua kekurangan saya mohon dimaafkan, kerana kebaikan datang dari Allah dan kekurangan dari dari keterbatasan saya sendiri.

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS

PENGHARGAAN

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK

ABSTRACT

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.3.1	Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang Sebelum dan Selepas mendapat Pengiktirafan UNESCO (1998-2023)	4
1.3.2	Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang: Cabaran dan Peluang dari Perspektif Masyarakat	5
1.3.3	Pembangunan Muzium Persendirian di Pulau Pinang: Kesannya kepada Perkembangan Sosial Masyarakat Setempat	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.7.1	Individu.....	9
1.7.2	Masyarakat.....	9
1.8	Penutup	10

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Konsep Muzium di Malaysia	11
2.3	Fungsi Muzium	12
2.4	Sumbangan Muzium kepada Ekonomi	13

2.5	Perkembangan Muzium di Malaysia	15
2.5.1	Perkembangan Muzium-muzium Persendirian di Malaysia.....	17
2.6	Maksud Industri Pelancogan	18
2.7	Peranan Muzium dalam Pembangunan Industri Pelancongan dan Hospitaliti	19
2.8	Penutup	21
BAB 3		
METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Kaedah Kajian	23
3.3.1	Kaedah Kualitatif	24
3.3.2	Kaedah Kuantitatif	24
3.4	Teknik Pengumpulan Data	25
3.5	Pensampelan	26
3.6	Analisis Data	28
3.7	Penutup	30
BAB 4		
DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	31
4.1	Data Demografi Responden	31
4.2	Perkembangan Muzium-muzium Persendirian di Pulau Pinang	34
4.2.1	Perkembangan Muzium Persendirian sebelum Pengiktirafan UNESCO (1998-2005)	35
4.2.2	Perkembangan Muzium Persendirian selepas Pengiktirafan UNESCO (2011-2023)	37
4.3	Dampak Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang terhadap Industri Pelancongan: Perspektif Masyarakat Setempat	41
4.3.1	Institusi muzium persendirian sebagai daya tarikan utama pelancongan di Pulau Pinang.....	41
4.3.2	Dampak institusi muzium persendirian terhadap industri hospitaliti di Pulau Pinang.....	45

4.3.3 Peningkatan pengalaman pelancongan pendidikan di negeri Pulau Pinang serta imej sebagai destinasi pelancongan domestik utama di Semenanjung Malaysia	47
4.4 Kesan Pembangunan Muzium Persendirian di Pulau Pinang Masyarakat Setempat kepada Perkembangan Sosial Masyarakat	49
4.4.1 Perkembangan Sosial Masyarakat	51
4.4.1a Peranan Muzium Persendirian di Pulau Pinang sebagai medium Pendidikan tentang Sejarah dan warisan Pulau Pinang.	51
4.5 Pengaruh Muzium dalam mempengaruhi Industri Pelancongan Pulau Pinang	57
4.5.1 Bagaimana Puan Amira mempercayai bahawa muzium dapat mempengaruhi industri pelancongan di negeri Pulau Pinang?.....	57
4.5.2 Bagaimana muzium menyeleraskan diri dengan Sejarah dan kebudayaan tempatan untuk menarik perhatian pelancong?	58
4.5.3 Adakah terdapat sebarang usaha yang dilakukan oleh muzium dalam mempromosikan warisan seni dan budaya Pulau Pinang kepada pelancong domestik dan antarabangsa?.....	59
4.5.4 Pada pendapat Puan Amira, apakah keunikan muzium seperti Pinang Peranakan Mansion, Rumah P. Ramlee dan Wonder Food Museum, Pulau Pinang berbanding muzium yang lain?.....	60
4.5.6 Adakah terdapat statistik atau data yang menunjukkan peningkatan jumlah pelancong ke muzium?	61
BAB 5	
CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	62
5.2 Cadangan	63
5.2.1 Individu.....	63
5.2.3 Masyarakat.....	63
5.2.4 Pihak NGO	64
5.2.5 Kerajaan.....	65
5.3 Rumusan	66
RUJUKAN	68
LAMPIRAN	71

**PERTUMBUHAN MUZIUM-MUZIUM PERSENDIRIAN DI GEORGE TOWN,
PULAU PINANG: DAMPAK KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN DAN
PERKEMBANGAN SOSIAL MASYARAKAT**

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan Pertumbuhan Muzium Persendirian di George Town, Pulau Pinang: Kesan Terhadap Industri Pelancongan dan Pembangunan Sosial Masyarakat. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan muzium persendirian di Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti kesan pembangunan muzium swasta di Pulau Pinang terhadap industri pelancongan, serta kesan pembangunan muzium swasta di Pulau Pinang terhadap pembangunan sosial masyarakat setempat. Metodologi kajian melibatkan perancangan kajian, reka bentuk kajian, kaedah kajian, teknik pengumpulan data dan analisis data. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data yang lebih lengkap. Data yang dikumpul dianalisis melalui penyusunan data, analisis deskriptif dan analisis kualitatif. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih baik tentang metodologi kajian dan sumbangannya terhadap pemahaman pertumbuhan muzium persendirian di George Town, Pulau Pinang: Kesan terhadap Industri Pelancongan dan Pembangunan Sosial Komuniti.

***THE GROWTH OF PRIVATE MUSEUMS IN GEORGE TOWN, PENANG ISLAND:
IMPACT ON THE TOURISM INDUSTRY AND SOCIAL DEVELOPMENT OF THE
COMMUNITY***

ABSTRACT

This study discusses the Growth of Private Museums in George Town, Penang: Impact on the Tourism Industry and Community Social Development. This research aims to examine the development of private museums in Penang. In addition, this study also identified the impact of the development of private museums in Penang on the tourism industry, as well as the impact of the development of private museums in Penang on the social development of the local community. Research methodology involves research planning, research design, research methods, data collection techniques and data analysis. In this study, qualitative and quantitative approaches were used to obtain more complete data. The collected data is analyzed through data compilation, descriptive analysis and qualitative analysis. Thus, this study is expected to provide a better understanding of the research methodology and its contribution to the understanding of the growth of private museums in George Town, Penang: Impact on the Tourism Industry and Community Social Development.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini membincangkan tentang tentang Pertumbuhan Muzium-muzium Persendirian di George Town, Pulau Pinang: Dampak kepada Industri Pelancongan dan Perkembangan Sosial Masyarakat. George Town, Pulau Pinang, telah menjadi pusat tumpuan dalam konteks warisan budaya dan sejarah. Keunikan bandar bersejarah ini semakin diperkukuhkan dengan pertumbuhan muzium-muzium persendirian yang semakin pesat. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan dan menganalisis dampak pertumbuhan muzium-muzium persendirian terhadap industri pelancongan dan perkembangan sosial masyarakat di kawasan tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

George Town ialah Bandaraya Bersejarah yang secara rasmi diisytiharkan sebagai Tapak Bersejarah Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008. Pengisytiharan tersebut berdasarkan kepada Nilai Kecemerlangan Sejagatnya yang menonjolkan kepelbagaian budaya yang dikaitkan dengan warisan hidup dan binaan. George Town mempunyai warisan yang kaya termasuklah seni bina warisan, bangunan bersejarah, serta elemen-elemen budaya yang mencerminkan sejarah dan perkembangan bandaraya ini. Sebagai tapak warisan dunia, George Town diberi pengiktirafan antarabangsa sebagai tempat yang memainkan peranan penting dalam perkembangan

sejarah dan kepelbagaian budaya manusia. Ini juga membawa manfaat dalam mempromosikan pelancongan budaya serta pemeliharaan warisan sejarah yang penting bagi generasi akan datang.

Muzium merupakan institusi yang mendidik masyarakat tentang sejarah dan tradisi Malaysia. Ini bagi memastikan warisan Malaysia tidak hilang ditelan zaman. Sehingga kini, bilangan muzium di negara ini semakin meningkat. Setiap muzium mempunyai misi tersendiri dan dibina berdasarkan kekuatan koleksinya, yang mempunyai kepentingan sejarah yang ketara. Menurut seorang tokoh dari Jabatan Muzium Malaysia, pada masa ini negara kita mempunyai sejumlah 189 muzium yang terletak di seluruh negara. Muzium-muzium ini dikelola oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan, agensi kerajaan, pihak swasta, dan institusi pendidikan. Keberadaan muzium-muzium ini merupakan salah satu inisiatif untuk menjaga harta warisan sejarah dan budaya negara kita. Khazanah yang tak ternilai ini menjadi bukti peristiwa atau zaman dalam sejarah negara kita. Muzium-muzium ini memainkan peranan penting sebagai sumber pengetahuan (Faizah Abdul Razab, 2020).

Pelancongan didefinisikan sebagai pergerakan sementara individu ke tempat di luar tempat kerja dan kediaman mereka yang biasa, melibatkan aktiviti yang dilakukan semasa berada di destinasi tersebut dan juga fasilitas yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka. Pelancongan dianggap sebagai satu kemewahan kerana hanya sebahagian kecil individu yang mempunyai masa dan wang yang mencukupi

untuk melancong. Namun, dengan ketersediaan lebih banyak masa lapang, kemajuan ekonomi yang lebih baik, dan kemudahan pengangkutan yang memadai, perjalanan sekarang lebih mudah diakses oleh lebih ramai orang (Mathieson dan Wall, 1991).

Industri pelancongan menyumbang dengan ketara kepada ekonomi Pulau Pinang. Sumbangan sektor ini memberi kesan kepada pelbagai subsektor lain, termasuk penjaja, perkhidmatan pengangkutan, peruncitan, perkhidmatan kewangan, percetakan dan sebagainya. Hasilnya, kerajaan negeri akan meningkatkan usaha untuk menjamin industri pelancongan terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi Pulau Pinang. Untuk mencapai hasil yang pantas, pembangunan yang komprehensif dan terancang yang mempertimbangkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, promosi dan pemasaran yang profesional dan agresif dan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam subsektor pelancongan mesti dilaksanakan dengan cekap. Antara pembangunan yang telah dikenalpasti ialah sektor permuziuman di George Town yang akan menjadi tarikan utama pelancong mahupun masyarakat setempat dalam meningkatkan industri pelancongan ke arah yang lebih mampan.

Ringkasnya, Pertumbuhan muzium-muzium persendirian di George Town, Pulau Pinang, memberi impak yang signifikan kepada industri pelancongan dan perkembangan sosial masyarakat. Kajian ini memberikan pemahaman mendalam tentang hubungan kompleks di antara pertumbuhan muzium, kelestarian warisan budaya, dan keuntungan ekonomi. Dengan pemahaman ini, kita dapat menyusun

langkah-langkah strategik untuk memastikan pertumbuhan berterusan dan manfaat maksimum kepada masyarakat tempatan dan pelancong.

1.3 Permasalahan Kajian

1.3.1 Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang Sebelum dan Selepas mendapat Pengiktirafan UNESCO (1998-2023)

Pulau Pinang yang begitu kaya akan sejarah dan kebudayaannya, telah menerima pengiktirafan UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia pada tahun 2008. Dalam tempoh dari 1998 hingga 2023, muzium persendirian di Pulau Pinang mengalami perubahan yang signifikan. Sebelum Pulau Pinang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia, muzium persendirian menghadapi beberapa cabaran antaranya kurangnya kesedaran tentang pentingnya warisan. Kurangnya kesedaran masyarakat tentang nilai warisan sejarah dan kebudayaan mungkin telah menghalang usaha muzium persendirian untuk mempromosikan dan melestarikan warisan tempatan. Selain itu, muzium persendirian menghadapi kesulitan untuk mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi dan sokongan dari pihak berkuasa tempatan serta sektor swasta.

Namun, selepas pengiktirafan UNESCO membawa bersama impak positif dan juga cabaran kepada perkembangan muzium persendirian di Pulau Pinang. Antaranya, beberapa muzium persendirian mungkin terjerumus dalam arus pengkomersialan, menyebabkan kehilangan fokus terhadap aspek pendidikan dan

kelestarian warisan. Pengiktirafan UNESCO juga telah memberi peningkatan dalam industri pelancongan, menyebabkan muzium persendirian perlu menangani peningkatan pengunjung tanpa mengorbankan pengalaman yang berkualiti.

1.3.2 Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang: Cabaran dan Peluang dari Perspektif Masyarakat

Pulau Pinang, dengan warisan sejarah dan kebudayaannya yang unik, terus menjadi destinasi pelancongan utama di Malaysia. Seiring dengan perkembangan industri pelancongan, muzium persendirian muncul sebagai institusi penting. Namun, perkembangan ini tidak lepas dari cabaran tertentu yang boleh memberi kesan kepada daya tarikan pelancongan, industri hospitaliti, dan imej pelancongan domestik di Pulau Pinang. Beberapa muzium persendirian mungkin menghadapi cabaran dalam menyediakan koleksi yang menarik dan berkualiti tinggi. Pengunjung lebih cenderung kepada mencari pengalaman yang lebih mendalam dan bermakna tentang koleksi yang disediakan oleh pihak muzium persendirian. Oleh itu, kurangnya koleksi yang menarik boleh merosakkan reputasi muzium dan menurunkan daya tarikan pelancongan.

Selain itu, jika muzium persendirian tidak mampu menarik pelancong, sektor industri hospitaliti seperti hotel dan restoran akan terkesan dengan penurunan jumlah pelanggan. Hal ini boleh mengancam ekonomi tempatan dan pekerjaan dalam sektor ini. Di samping itu, penting untuk muzium persendirian memahami dan menghormati nilai-nilai budaya tempatan. Ketidaksesuaian boleh

menimbulkan isu sensitif di kalangan masyarakat tempatan. Hal yang demikian, keengganan masyarakat tempatan untuk menyokong muzium yang tidak menghormati warisan budaya mereka boleh merosakkan imej destinasi pelancongan.

1.3.3 Pembangunan Muzium Persendirian di Pulau Pinang: Kesannya kepada Perkembangan Sosial Masyarakat Setempat

Pembangunan muzium persendirian ini tidak lepas dari masalah dan kesan terhadap perkembangan sosial masyarakat setempat, terutamanya dalam konteks pendidikan tentang sejarah dan warisan Pulau Pinang. Muzium persendirian mungkin menghadapi masalah kurangnya keterlibatan masyarakat tempatan dalam proses pembangunan dan penyelenggaraan. Ini boleh menyebabkan ketidaksesuaian antara muzium dan kehendak serta keperluan masyarakat setempat. Hal ini akan memberi kesan kepada kekurangan daya tarikan dan penerimaan muzium, serta merosakkan hubungan antara muzium dan komuniti setempat.

Pembangunan muzium persendirian mungkin membawa pengaruh terhadap budaya tempatan. Pilihan pengisian dan naratif yang dikembangkan mungkin tidak selaras sepenuhnya dengan nilai-nilai dan identiti tempatan. Hal ini akan memberikan kesilapan dalam merefleksikan budaya tempatan sehingga dapat menyebabkan ketidakpuasan masyarakat setempat dan mempengaruhi

kekurangan daya tarikan muzium sebagai sumber pembelajaran tentang sejarah dan warisan.

1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimana perkembangan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang?
2. Adakah perkembangan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang memberi dampak terhadap industri pelancongan?
3. Apakah kesan Pembangunan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang kepada perkembangan sosial masyarakat setempat?


1.5 Objektif Kajian

1. Mengkaji perkembangan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang,
2. Mengenal pasti dampak perkembangan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang terhadap industri pelancongan,
3. Mengenal pasti kesan pembangunan muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang kepada perkembangan sosial masyarakat setempat.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

1.6 Skop Kajian



Rajah 1: Peta Lokasi Georgetown, Pulau Pinang

Sumber: Google Maps (2024) diakses pada 23 Januari 2024

Berdasarkan rajah di atas, Georgetown, Pulau Pinang, terletak pada koordinat geografi kira-kira 5.4149° N (Latitud) dan 100.3298° E (Longitud). Ini menempatkannya di utara khatulistiwa dan di wilayah barat daya Semenanjung Malaysia. Georgetown adalah ibu negeri Pulau Pinang dan memainkan peranan penting dalam sejarah dan budaya negeri tersebut. Dengan senarai warisan dunia UNESCO dan kepelbagaian budayanya, Georgetown menarik pelancong dari seluruh dunia untuk menikmati keunikan dan kecantikan kawasannya. Kepentingan muzium-muzium persendirian ini terbukti dalam daya tarik Georgetown sebagai destinasi pelancongan. Pelawat dapat menikmati pengalaman yang mendalam dan penuh makna melalui lawatan ke muzium-muzium ini, mencipta ikatan yang erat dengan warisan budaya Pulau Pinang. Dengan menekankan peranannya, Georgetown bukan sekadar destinasi pelancongan, tetapi juga pusat pembelajaran dan penghayatan sejarah dan budaya yang hidup.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Individu

Kajian ini penting kepada penyelidik bagi memastikan ketepatan data yang diperolehi dalam kajian. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu penyelidik dalam mengembangkan ilmu pengetahuan mereka sendiri, di samping menyumbang kepada penyebaran maklumat mengenai muzium persendirian yang mempunyai peranan penting dalam merencanakan industri pelancongan negeri. Bukan itu sahaja, kajian ini juga penting untuk bidang penyelidikan secara keseluruhannya, kerana ia dapat membantu pihak lain yang ingin membuat kajian yang serupa dan juga memberi rujukan yang setara kepada penyelidik lain. Kepentingan kajian juga adalah dalam mengenal pasti mengkaji objektif yang diperlukan dalam kajian atau penyelidikan

1.7.2 Masyarakat

. Tambahan pula, masyarakat akan mendapat manfaat daripada kajian ini kerana mereka akan dapat membaca dan mendapatkan maklumat mengenai muzium-muzium yang sebelum ini tidak mereka ketahui. Seterusnya, kajian ini dapat membantu pengkaji lain kerana mereka boleh menggunakannya sebagai kajian sorotan sekiranya menggunakan gaya penulisan yang sama.

1.8 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji memilih kajian ini untuk mengkaji perkembangan muzium-muzium persendirian di Georgetown, Pulau Pinang yang memberi dampak kepada industri pelancongan dan perkembangan sosisomasyarakat. Keputusan untuk menjadikan Georgetown sebagai fokus kajian didorong oleh pengiktirafan prestij UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan muzium-muzium persendirian dalam memperkaya pengalaman pelancongan di Georgetown, sekaligus meneroka sumbangan mereka terhadap perkembangan ekonomi dan sosio-budaya tempatan. Dengan adanya penekanan pada muzium-muzium persendirian, diharapkan kajian ini dapat memberikan wawasan mendalam tentang bagaimana warisan dan kebudayaan tempatan dijaga serta dihayati oleh masyarakat setempat dan pelancong. Pengiktirafan Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO menegaskan kepentingannya sebagai destinasi yang mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi. Oleh itu, perkembangan muzium-muzium persendirian di sini menjadi faktor penarik pelancong dan turut berperanan dalam melestarikan serta mempromosikan warisan kaya Pulau Pinang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan mengkaji kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan oleh penyelidik. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan data dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan iaitu penyelidikan yang sebelum ini telah diterbitkan oleh pengkaji lain yang pernah menjalankan kajian yang serupa

2.2 Konsep Muzium di Malaysia

Muzium merupakan sebuah institusi pendidikan yang mengajar orang ramai tentang sejarah dan budaya Malaysia. Ini bagi memastikan warisan Malaysia tidak pupus ditelan zaman. Sehingga kini, populasi muzium negara semakin bertambah. Setiap muzium mempunyai matlamatnya sendiri dan diasaskan atas kekuatan koleksinya, yang penting dari segi sejarah. Menurut Abu Talib Ahmad (2015), menyebut bahawa muzium merupakan institusi khusus untuk memelihara warisan sejarah yang boleh memberi kebanggaan kepada sesebuah masyarakat. Tambahan pula, warisan harus digunakan sebagai medium utama untuk pendidikan Pembinaan Negara Bangsa, memaparkan identiti negara, bukan hanya untuk tontonan. Menurut George E. Hein (2000), beliau memberi cadangan iaitu konsep “konstruktivisme muzium” yang menekankan peranan

pengunjung dalam membina pengetahuan mereka sendiri melalui interaksi bersama objek dan kandungan pameran. Beliau berpendapat bahawa muzium harus dijadikan tempat yang memberikan galakan penerokaan, refleksi dan dialog antara pengunjung dan muzium itu sendiri.

2.3 Fungsi Muzium

Menurut Jabatan Muzium Malaysia (2016), fungsi muzium dapat dilihat dalam pengurusan institusi muzium di bawah pentadbiran persekutuan, serta memberi khidmat kepakaran dan menasihati muzium negeri, jabatan kerajaan, dan sektor swasta. Tambahan pula, muzium berfungsi sebagai institusi yang membangun dan mengembangkan pengetahuan melalui cara seperti pameran, bengkel, forum, seminar, dan persidangan, serta lawatan berpandu ke bilik pameran. Purbawanisme, menurut Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman (1985), ialah aktiviti mengumpul barang yang jarang ditemui untuk mendapatkan dan mempercayai bahawa komoditi tersebut mengandungi unsur ajaib atau luar biasa. Aktiviti ini dipelopori oleh golongan atasan Eropah, khususnya golongan bangsawan dan raja.

Muzium ini dikategorikan sebagai tujuan pelancongan pendidikan, sebagaimana yang diungkapkan oleh Ritchie BW (2003). Menurutnya, pendidikan dan pembelajaran merupakan komponen penting dalam pelancongan alam semula jadi atau ekopelancongan, serta pelancongan warisan budaya. Melalui pendidikan, individu dapat meningkatkan pengetahuan, keterampilan, niat, sikap dan kesedaran mereka dalam melindungi dan memperbaiki lingkungan. Pada dekad

ini, pertumbuhan sektor pendidikan dan pelancongan telah memberikan dampak positif pada ekonomi dan masyarakat secara umum. Menurut Program Transformasi Ekonomi, Hala Tuju Malaysia, Bab 10: Memperkuat Industri Pelancongan (2011), pendidikan merupakan salah satu dari 12 sektor dalam Kawasan Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas, NKEA), bersama dengan sektor pelancongan, pertanian, elektrik, dan elektronik (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

2.4 Sumbangan Muzium kepada Ekonomi

Menurut John E. Simmons (2014), seorang perunding muzium yang terkenal, menekankan bahawa muzium mempunyai potensi besar untuk memberi sumbangan ekonomi yang besar dari segi pelancongan, pembangunan wilayah, penciptaan pekerjaan, dan pertumbuhan industri budaya. Selain itu, muzium boleh menjadi "enjin ekonomi" dengan pelbagai sumbangan, seperti mencipta pendapatan langsung daripada kemasukan, menyediakan pekerjaan dan memacu pertumbuhan ekonomi tempatan melalui perbelanjaan pelawat. Muzium bukan sahaja memberikan faedah ekonomi secara langsung, tetapi juga mempunyai kesan ekonomi jangka panjang melalui pendidikan, penyelidikan dan pembangunan aktiviti kebudayaan. Muzium juga dapat membantu membina masyarakat yang berpendidikan, berbudaya dan kreatif. Muzium boleh memberi sumbangan ekonomi yang mampan dengan mewujudkan hubungan kukuh antara muzium, pelancongan dan sektor ekonomi lain. Muzium boleh menjadi pusat

tarikan yang memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi tempatan (Tony, 2012).

Selain itu, muzium mempunyai sumbangan besar kepada sektor ekonomi melalui cara berikut seperti sering menjadi tarikan utama bagi pelancong yang melawat sesuatu kawasan. Muzium yang mempamerkan artifak, karya seni dan peninggalan budaya menarik pengunjung yang ingin belajar tentang sejarah dan budaya sesuatu tempat. Ini menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan, dengan peningkatan lawatan pelancong dan hasil yang dijana daripada tiket masuk, pembelian cenderahati, dan perbelanjaan pelancong di sekitar muzium (Malcolm Gladwell). Muzium boleh memberi kesan ekonomi tempatan melalui perbelanjaan pelawat di sekitar muzium. Pelancong yang melawat muzium sering membelanjakan wang mereka untuk penginapan, makanan, pengangkutan dan membeli-belah di kawasan sekitar muzium. Ini menyumbang kepada pendapatan peniaga tempatan, hotel, restoran, kedai cenderamata dan perniagaan lain, mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan aktiviti ekonomi di rantau ini.

Secara keseluruhannya, muzium mempunyai kesan ekonomi yang ketara dengan meningkatkan pelancongan, mewujudkan perbelanjaan tempatan, mewujudkan pekerjaan, menyokong industri budaya dan kreatif, dan memainkan peranan dalam pendidikan dan penyelidikan. Menurut Elaine Heumann Gurian, muzium ini bukan sahaja menjadi pusat kebudayaan dan pendidikan, tetapi juga penggerak pertumbuhan ekonomi di sesebuah wilayah. Pandangan ini mencerminkan kepercayaan bahawa muzium mempunyai sumbangan besar

kepada sektor ekonomi dalam pelbagai cara, sama ada melalui pelancongan, perbelanjaan pelawat, penciptaan pekerjaan, pendidikan, penyelidikan, dan pertumbuhan industri budaya.

2.5 Perkembangan Muzium di Malaysia

Muzium dilihat sebagai sekolah bergambar oleh penduduk Tanah Melayu pada abad ke-20 kerana Tanah Melayu tidak mempunyai muzium pada masa itu. Apabila British menyedari bahawa muzium itu boleh digunakan untuk mempelajari tentang adat dan budaya penduduk Tanah Melayu, mereka memulakan penubuhannya. Hasilnya, Muzium Perak di Taiping adalah yang pertama diasaskan pada tahun 1883, menandakan permulaan penubuhan institusi muzium di Malaysia. Sir Hugh Low, seorang penduduk British di Perak, mengilhamkan penciptaan Muzium Perak dengan mengarahkan pegawai penguatkuasa di Pertubuhan Pentadbiran di Bukit Larut, Leonard Wray Junior, untuk mengumpul semua data berkaitan zoologi, sejarah, geologi, sosio-ekonomi dan etnologi (Jones, 2008). Bagi memudahkan British mentadbir Tanah Melayu, mereka berpendapat adalah penting untuk memahami cara hidup masyarakat. Bukan itu sahaja, malah pihak British menjadikan muzium itu sebagai ruang riadah untuk pelbagai pertemuan sosial pada tempoh itu. Ini juga sebahagian daripada propaganda mereka untuk membutakan pandangan rakyat Tanah Melayu..

Selepas Malaysia meraih kemerdekaan, pengaruh Muzium British terus bertahan dengan kuat di Malaysia. Ini adalah hasil dari warisan ideologi muzium

yang diperkenalkan oleh pihak British. Selepas kemerdekaan, sistem kerajaan Malaysia mengadopsi beberapa elemen formulasi British yang masih diamalkan di negara ini. Secara tidak langsung, hal ini telah membentuk identiti kebangsaan Malaysia (Jalal et al., 2019). Pendapat ini sejalan dengan pandangan Shamsul Amri Baharuddin (1983) yang menyatakan bahawa pihak British telah memainkan peranan dalam menentukan epistemologi, dasar, dan asas kerajaan Malaysia, yang mana semuanya masih berlandaskan kepada kerangka dan model British. Pengaruh ini dapat dilihat dalam institusi pendidikan tinggi, sistem demokrasi berparlimen berdasarkan model Westminster, dasar bancian penduduk, sistem pemetaan, dan juga institusi muzium. Namun, apabila muzium digunakan sebagai alat untuk membangun negara, paradigma muzium di Malaysia telah berubah. Sejak penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963, proses pembangunan negara telah dimulai. Muzium ini menekankan pentingnya pemahaman tentang perpaduan antara etnik serta prinsip ketuanan Melayu. Hal ini tercermin dalam pameran galeri sejarah Malaysia yang disesuaikan dengan konten yang diajarkan dalam buku teks sejarah Malaysia yang digunakan dalam sistem pendidikan Malaysia (Abu Talib Ahmad, 2015).

Selain Muzium Negara, terdapat beberapa muzium lain di Malaysia, termasuk Muzium Sarawak di Kuching dan Muzium Selangor. Namun, semasa Perang Dunia II, kedua muzium ini hancur akibat bom pada tanggal 10 Maret 1945. Setelah kemerdekaan Tanah Melayu, Muzium Negara dibangun di lokasi bekas Muzium Selangor dan diresmikan pada tanggal 31 Agustus 1963. Sejak itu, sejumlah muzium telah didirikan di seluruh Malaysia. Pembangunan muzium

harus memiliki tujuan yang jelas dan didasarkan pada koleksi objek yang memiliki nilai sejarah atau harta karun bersejarah yang akan ditempatkan di dalamnya. Menurut Jabatan Muzium Negara (Jabatan Komunikasi Korporat | Jabatan Muzium Malaysia, 2016), terdapat sekitar 189 muzium di Malaysia yang dikelola oleh berbagai lembaga, termasuk agensi swasta, agensi pemerintah, dan institusi pendidikan.

2.5.1 Perkembangan Muzium-muzium Persendirian di Malaysia

Dalam beberapa dekad, muzium persendirian telah menjadi ciri penting dalam landskap warisan budaya Malaysia. Dari permulaannya pada tahun 2004 dengan penubuhan muzium Baba Nyonya, fenomena ini telah berkembang pesat, mencapai lebih dari 200 muzium dan galeri pada tahun 2023. Pertumbuhan muzium persendirian ini mencerminkan semangat dan komitmen terhadap pemeliharaan dan penghayatan warisan budaya di kalangan individu dan komuniti di seluruh negara.

Pertumbuhan ini didorong oleh beberapa pemacu utama antaranya peningkatan minat dalam pemeliharaan budaya telah memainkan peranan penting dalam memotivasikan individu dan kumpulan untuk mengumpul dan memamerkan khazanah budaya mereka sendiri. Faktor ini diperkuat oleh sokongan kerajaan Malaysia, yang mengiktiraf peranan penting muzium persendirian dan memberikan galakan melalui dasar dan pembiayaan.

2.6 Maksud Industri Pelancongan

Pelancongan boleh ditakrifkan sebagai satu aktiviti yang melibatkan pembelajaran budaya. Ini kerana kebanyakan pelancong melancong ke negara yang jauh untuk merasai pengalaman yang berbeza dengan kehidupan seharian mereka. Jangkaan pelancong terhadap pengalaman yang akan di alami kadangkala berdasarkan gambaran atau tanggapan yang telah dibentuk dalam imajinasinya tentang destinasi yang akan dituju. Bagi destinasi yang pertama kali dikunjungi, imej atau tanggapan yang terbentuk disebabkan oleh individu tersebut membaca tentang destinasi berkenaan melalui sumber sekunder seperti buku dan internet. Seorang pengembara akan mengharapkan untuk melihat dan merasai pengalaman yang telah dibina dalam kepalanya sebaik sahaja dia melangkah kaki ke destinasi asing. Memenuhi jangkaan pelancong asing, sebaliknya, adalah sukar kerana budaya sesuatu tempat mungkin telah berubah atau berkembang mengikut peredaran masa (Nikmatul Adha Nordin & Rosilawati Zainol, 2013).

Pelancongan budaya adalah perkataan yang diakui secara meluas, dan ia dilihat sebagai satu cabang pelancongan yang berbeza daripada ekopelancongan, pelancongan keagamaan, pelancongan rekreasi dan sebagainya. Menurut Badaruddin Mohamed (2008), pelancongan budaya ditakrifkan sebagai pergerakan seseorang untuk menikmati budaya. Pelancong budaya dan warisan ditakrifkan sebagai pelawat yang terlibat dalam aktiviti seperti melawat muzium dan galeri seni, melawat galeri atau bengkel seni dan kraf, menghadiri festival atau pertunjukan kebudayaan, melawat bangunan bersejarah dan warisan, tapak atau monumen dan melawat tapak komuniti atau masyarakat orang asli.

Berdasarkan huraian dan senarai aktiviti yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa pelancongan budaya merujuk kepada penglibatan aktif pelancong dalam mentafsir budaya tradisional atau tempatan melalui koleksi barangan budaya tradisional atau tempatan.

2.7 Peranan Muzium dalam Pembangunan Industri Pelancongan dan Hospitaliti

Muzium memainkan peranan penting dalam pembangunan industri pelancongan. Mereka menarik pelawat dari seluruh dunia, yang datang untuk belajar tentang sejarah, budaya dan seni tempat tertentu. Muzium juga menyediakan pengalaman yang unik dan tidak dapat dilupakan untuk pelawat, yang boleh membantu meningkatkan pelancongan di rantau. Muzium menarik pelawat dari seluruh dunia, yang datang untuk belajar tentang sejarah, budaya dan seni tempat tertentu. Muzium menyediakan pengalaman yang unik dan tidak dapat dilupakan untuk pelawat, yang boleh membantu meningkatkan pelancongan di rantau. Pelawat boleh belajar tentang sejarah, budaya dan seni tempat tertentu, dan mereka juga boleh melihat dan mengalami perkara yang mereka tidak akan dapat lihat atau alami di tempat lain.

Muzium boleh meningkatkan ekonomi tempatan dengan menarik pengunjung yang membelanjakan wang untuk makanan, penginapan dan cenderamata. Sebagai contoh, industri pelancongan di London menyumbang lebih £100 billion kepada ekonomi UK setiap tahun. Muzium merupakan bahagian penting dalam industri pelancongan, dan ia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi banyak wilayah. Dengan menarik pelawat, menyediakan

pengalaman yang unik dan tidak dapat dilupakan, serta meningkatkan ekonomi tempatan, muzium membantu menjadikan pelancongan sebagai industri yang mampan dan menguntungkan.

Jabatan Muzium Malaysia (2022) melaporkan dalam Laporan Tahunan 2021 tentang gambaran menyeluruh tentang aktiviti dan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2021. Ia termasuk bahagian mengenai sumbangan muzium kepada industri pelancongan, yang menunjukkan bahawa muzium telah menarik lebih 10 juta pengunjung di 2021, menyumbang anggaran RM1 bilion kepada ekonomi pelancongan. Manakala, Persatuan Muzium Malaysia (2021) dalam Laporan Negeri Muzium 2021, memberikan gambaran menyeluruh tentang keadaan muzium di Malaysia pada tahun 2021. Ia termasuk bahagian mengenai sumbangan muzium kepada industri pelancongan, yang menunjukkan bahawa muzium memainkan peranan penting dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan semasa pandemik COVID-19.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2019), memberikan gambaran keseluruhan tentang hubungan antara muzium dan pelancongan di Malaysia. Ia membincangkan sejarah muzium di Malaysia, peranan muzium dalam mempromosikan pelancongan dan cabaran yang dihadapi muzium dalam industri pelancongan. Muzium memainkan peranan yang penting dalam menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi pelancongan warisan dalam negara.

Selain itu, muzium memainkan peranan penting dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Mereka mempamerkan kekayaan sejarah, budaya dan warisan negara, yang menarik perhatian pelawat dari seluruh

dunia. Muzium boleh membantu memanjangkan tempoh penginapan pelawat. Pelawat yang melawat muzium lebih berkemungkinan tinggal di Malaysia untuk jangka masa yang lebih lama, yang boleh meningkatkan pendapatan pelancongan. Muzium juga boleh membantu menarik pengunjung berulang. Pengunjung yang menikmati pengalaman mereka di muzium lebih berkemungkinan untuk kembali ke Malaysia pada masa hadapan, yang juga boleh meningkatkan pendapatan pelancongan.

Kajian mendapati muzium berpotensi memberi sumbangan besar kepada industri pelancongan di Malaysia. Dengan menangani cabaran yang dihadapi muzium, dan dengan bekerjasama dengan pihak berkepentingan pelancongan lain, muzium boleh menjadi lebih berjaya dalam menarik pelawat dan meningkatkan hasil pelancongan.

2.8 Penutup

Kajian penyelidikan terdahulu agak signifikan dalam penyelidikan pengkaji. Dalam bab ini, pengkaji mengembangkan sorotan kajian yang diperoleh daripada beberapa sumber. Pengkaji akan menggunakan semua bahan yang dikumpul untuk memastikan penyelidikan yang dilaksanakan adalah tepat dan bermaklumat. Pengkaji kemudiannya menggunakan strategi pengumpulan data yang berkesan dalam bab ini. Dapatan pengkaji adalah berkaitan dengan perkaitan muzium dalam pembangunan industri pelancongan Pulau Pinang.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian ialah proses merancang dan melaksanakan penyelidikan. Ia merupakan pendekatan sistematik untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian. Metodologi kajian hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan penyelidikan itu sah dan boleh dipercayai. Peranan metodologi kajian adalah untuk menyediakan pendekatan yang sistematik untuk penyelidikan, memastikan bahawa penyelidikan adalah sah dan boleh dipercayai, membantu penyelidik menjawab soalan kajian mereka, dan benarkan penyelidik menyampaikan penemuan mereka kepada orang lain. Proses metodologi kajian secara umumnya terdiri daripada tiga peringkat iaitu proses perancangan, proses pelaksanaan dan proses analisis (Hua, 2016). Fasa perancangan melibatkan penyediaan, penyerahan cadangan, tindakan, dan penilaian. Fasa pelaksanaan adalah berkaitan dengan pemilihan sampel, pengumpulan data, dan percubaan. Fasa analisis ialah peringkat di mana keputusan dibuat melalui pemprosesan data yang telah dikumpul, melalui pelbagai analisis mengikut objektif kajian. Dalam proses perancangan, penyelidik membuat perancangan yang teliti berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil dalam penyelidikan. Ini termasuk menentukan objektif penyelidikan, merumuskan persoalan kajian, memilih kaedah penyelidikan yang sesuai, dan merancang jadual dan belanjawan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah rancangan keseluruhan untuk menjalankan kajian penyelidikan. Menurut Sacred Heart University, data yang diperolehi dari hasil kajian akan dapat menyelesaikan masalah kajian dengan berkesan. Reka bentuk kajian adalah penting kerana ia membantu memastikan penyelidikan dijalankan secara sistematik dan rapi. Ia juga membantu untuk memastikan bahawa penyelidikan itu sah dan boleh dipercayai, dan bahawa penemuan itu boleh dipercayai. Reka bentuk penyelidikan hendaklah digariskan dengan jelas dalam cadangan penyelidikan. Ini akan membantu pengkaji untuk terus berada di landasan yang betul dan memastikan penyelidikan dijalankan secara sistematik dan rapi. Dalam reka bentuk kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah gabungan yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian mengikut objektif kajian yang berkaitan dengan tugas kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, beberapa kaedah telah digunakan antaranya merujuk literatur buku, sumber dalam talian, menjalankan temu bual, menggunakan borang soal selidik, dan menganalisis data dan maklumat yang terkandung dalam kajian tesis lepas. Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan kepentingan muzium dalam pembangunan industri pelancongan, Pulau Pinang, dalam mengenal pasti pengaruh muzium dalam

mempengaruhi pelancongan di Pulau Pinang, mengkaji pandangan pelancong terhadap muzium yang wujud di Pulau Pinang serta meneliti strategi yang digunakan oleh ketiga-tiga muzium di kawasan George Town dalam membangunkan industri pelancongan yang telah dipilih oleh penyelidik untuk menjalankan kajian kes.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Dalam kajian penyelidikan ini, kaedah kualitatif sangat sesuai digunakan. Menurut Chua Yan Piaw (2006), penyelidikan kualitatif memainkan peranan penting dalam konteks dunia sebenar. Ini disebabkan oleh beberapa elemen yang tidak dapat diukur dan hanya dapat ditemui melalui angka semata. Elemen seperti emosi, peristiwa, dan sejarah perlu dikaji melalui pemerhatian, temu bual dan kaedah perpustakaan untuk mendapatkan data yang logik dan relevan.

3.3.2 Kaedah Kuantitatif

Penyelidik akan menggunakan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan ini. Kaedah ini memungkinan pengukuran dan perhitungan yang hasilnya dapat diukur. Data yang digunakan dalam kaedah kuantitatif biasanya berbentuk angka numerik dan melibatkan analisis dan pengumpulan data yang terkontrol. Kaedah kuantitatif menekankan pada objektivitas dan menggunakan analisis statistik untuk mengolah data (Fraenkel, 2007).

3.4 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data dalam kajian projek penyelidikan merujuk kepada kaedah dan proses yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan fakta yang diperlukan dalam penyelidikan. Tujuan utama pengumpulan data adalah untuk memperoleh data yang relevan dan berkualiti tinggi yang boleh digunakan untuk menjawab soalan penyelidikan dan mencapai objektif penyelidikan.

i. Temu bual

Penyelidik akan menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpulkan maklumat dari sumber primer. Penyelidik akan melakukan wawancara dengan pihak yang bertanggung jawab dalam pengelolaan museum atau individu yang memiliki pengetahuan utama tentang muzium. Wawancara dapat dilakukan secara tatap muka atau melalui media online untuk memperoleh data dan informasi yang terperinci tentang muzium-muzium tersebut.

ii. Soal selidik

Penyelidik akan menggunakan kaedah soal selidik secara atas talian untuk mendapatkan maklumat daripada sumber pertama iaitu komuniti dan pelancong tempatan tentang pandangan mereka terhadap muzium-muzium di Pulau Pinang. Penyelidik akan menyediakan soalan-soalan melalui

Google Form dan menyebarkan link pautan ke beberapa rangkaian media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook* dan *Instagram*.

iii. Sumber internet

Penyelidik akan menggunakan sumber daripada internet iaitu merupakan sumber yang paling utama kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Salah satu laman web yang digunakan oleh penyelidik ialah *Google Scholar* sebagai sumber utama yang lebih tepat dan boleh dipercayai.

iv. Kaedah keperpustakaan

Penyelidik akan menggunakan kaedah keperpustakaan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui bahan bacaan ilmiah, buku, jurnal serta artikel mengenai pelancongan, muzium dan aspek-aspek yang perlu dititikberatkan dalam kajian penyelidik.

3.5 Pensampelan

Pensampelan data dalam kajian penyelidikan merujuk kepada proses pemilihan sebahagian daripada populasi atau populasi yang lebih besar untuk dijadikan sampel. Populasi merujuk kepada keseluruhan kumpulan individu, objek, atau peristiwa yang menjadi tumpuan kajian, manakala sampel merujuk kepada subset atau sebahagian daripada populasi yang akan dikaji. Pensampelan data adalah penting kerana dalam kebanyakan kajian penyelidikan, adalah

mustahil atau tidak praktikal untuk mengumpul data daripada keseluruhan populasi. Oleh itu, penyelidik menggunakan sampel untuk mewakili populasi secara menyeluruh. Dengan menggunakan sampel yang sesuai, penyelidik dapat membuat inferens atau kesimpulan mengenai populasi secara lebih efisien dan kos-efektif. Setelah sampel dipilih, data dikumpulkan daripada sampel tersebut dan dianalisis untuk menghasilkan hasil dan kesimpulan yang berkaitan dengan populasi yang lebih besar. Penting bagi penyelidik untuk memastikan bahawa sampel dipilih dengan cara yang representatif dan sesuai agar hasil kajian dapat digeneralisasikan pada populasi secara lebih umum.

Penyelidik telah menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian iaitu *quota sampling* yang merupakan satu pendekatan dalam pengumpulan data di mana sampel dipilih berdasarkan pencapaian sasaran kuantitatif tertentu. Dalam *quota sampling*, penyelidik menetapkan kriteria tertentu (*quota*) untuk memastikan bahawa sampel yang diambil mencerminkan kepelbagaian tertentu dalam populasi yang sedang dikaji. Proses pensampelan *quota* biasanya melibatkan dua tahap. Pertama, penyelidik menentukan beberapa kategori atau sub-kumpulan dalam populasi yang ingin dikaji. Kategori-kategori termasuk umur, jantina atau latar belakang pendidikan. Setiap kategori ini mempunyai sasaran kuantitatif tertentu (*quota*) yang harus dipenuhi dalam proses pensampelan. Kedua, penyelidik akan mencari responden yang sesuai dengan kriteria kategori tersebut sehingga mencapai kuota yang ditetapkan. Penyelidik menggunakan beberapa kaedah, seperti soal selidik dalam talian, temu bual telefon, atau temu bual bersemuka, untuk mencapai kuota yang dikehendaki.

3.6 Analisis Data

Analisis data dalam kajian penyelidikan merujuk kepada proses menganalisis dan menginterpretasikan data yang dikumpulkan dalam kajian untuk menjawab soalan penyelidikan dan mencapai objektif kajian. Analisis data melibatkan penggunaan kaedah dan teknik yang sesuai untuk meneroka, mengklasifikasikan, menyusun, menginterpretasi, dan menyajikan maklumat yang diperoleh dari data. Terdapat beberapa langkah penting dalam proses analisis data dalam kajian penyelidikan iaitu pembersihan data, di mana data yang dikumpulkan disemak untuk mengenal pasti dan membetulkan sebarang kesilapan, nilai yang hilang, atau ketidaktepatan lain yang boleh mempengaruhi hasil analisis.

Setelah data dibersihkan, langkah seterusnya adalah penyusunan data. Data yang dikumpulkan boleh disusun dan disajikan dalam bentuk yang lebih teratur, seperti jadual, grafik atau carta untuk memudahkan pemahaman dan analisis lebih lanjut. Analisis deskriptif melibatkan menggambarkan dan meringkaskan data secara statistik. Ia merangkumi kaedah seperti pengiraan purata, median, mod, taburan, dan frekuensi. Analisis deskriptif memberikan gambaran umum mengenai data dan membantu dalam memahami ciri-ciri dan pola yang muncul. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif, jadi analisis data kualitatif akan dilakukan. Ia melibatkan pemeruman dan penjelajahan maklumat yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian atau analisis dokumen. Kaedah seperti analisis tematik, analisis kod atau analisis naratif boleh digunakan untuk memahami, mengelompokkan dan

menafsirkan maklumat yang diperolehi. Hasil analisis data perlu disajikan dengan jelas dan mudah difahami. Ini boleh melibatkan penyusunan laporan, grafik atau visualisasi data yang membantu mengkomunikasikan penemuan dan kesimpulan kajian kepada pembaca atau pihak yang berkepentingan.



3.7 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini membincangkan bahagian metodologi kajian yang digunakan untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data yang relevan bagi menjawab soalan penyelidikan dan mencapai objektif kajian. Penting untuk diingat bahawa metodologi kajian adalah suatu aspek yang kompleks dan bervariasi bergantung kepada bidang kajian, jenis kajian dan tujuan penyelidikan. Oleh itu, penyelidik perlu menyelidik dengan teliti untuk memastikan metodologi yang sesuai digunakan dalam kajian projek penyelidikan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang telah diperolehi semasa menjalankan proses pengumpulan data terhadap responden yang dipilih. Maklumat yang dimiliki adalah data yang diambil daripada proses temu ramah dan hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden yang terlibat. Dapatan kajian ini juga mengandungi maklumat dan data-data yang lengkap berkaitan dengan pertumbuhan muzium-muzium persendirian di George Town, Pulau pinang yang memberi dampak kepada industri pelancongan dan perkembangan sosial masyarakat setempat. Segala maklumat yang diperolehi oleh penyelidik akan diperincikan melalui carta, graf dan gambar rajah yang bersesuaian seperti yang akan dirungkai oleh penyelidik dalam subtopik berikutnya.


4.1 Data Demografi Responden

Latar belakang sosiodemografi responden adalah aspek penting dalam pemahaman mengenai profil responden dan informan yang terlibat dalam penyelidikan ini. Data ini diperolehi melalui borang soal selidik dalam bentuk 'Google Form' yang telah diisi oleh para responden yang disenaraikan oleh penyelidik. Analisis ini mencakup maklumat umur, jantina dan pekerjaan para

responden. Dengan memahami latar belakang sosiodemografi responden, hasil kajian dapat dikaitkan dengan konteks kehidupan mereka, memberikan wawasan yang lebih mendalam dan relevan terhadap reaksi mereka terhadap pemahaman mereka tentang kepentingan muzium terhadap sektor pelancongan di Pulau Pinang.


Dari analisis data yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa responden dalam kumpulan umur 21-30 tahun mendominasi dalam menjawab soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian dengan peratusan jawapan tertinggi iaitu 36.4%. Keputusan ini mungkin disebabkan oleh keaktifan dan kemahiran golongan muda dalam menggunakan platform media sosial, tempat di mana borang soal selidik disebar, seperti WhatsApp, Facebook, dan Instagram.

(Rajah 4.1)




Rajah 4.1 Taburan Responden Mengikut Umur

Selain itu, dapatan ini mencerminkan perbezaan dalam bilangan responden antara golongan lelaki dan perempuan, dengan peratusan responden perempuan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 58.6%. Keadaan ini mungkin dapat diterangkan oleh kecenderungan golongan perempuan untuk memberikan kerjasama yang lebih baik atau lebih aktif dalam penyelidikan ini. (Rajah 4.2)



Rajah 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Seterusnya, keputusan ini memberikan pandangan yang menarik mengenai kesediaan responden dalam menyertai soal selidik berdasarkan status. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 42.9%, yang bekerja, dan 29.3% yang masih belajar, lebih cenderung untuk menyumbang kepada soal selidik ini berbanding dengan mereka yang tidak bekerja. Faktor yang mempengaruhi kecenderungan ini disebabkan oleh kesedaran mereka tentang kepentingan pengetahuan dan maklumat yang diperoleh melalui soal selidik ini dalam konteks pekerjaan atau pembelajaran mereka. (Rajah 4.3)



Rajah 4.3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

4.2 Perkembangan Muzium-muzium Persendirian di Pulau Pinang

Muzium persendirian adalah institusi muzium yang dimiliki, diuruskan dan didanai oleh individu swasta, bukan oleh pihak kerajaan atau badan awam. Muzium ini dapat memfokuskan koleksinya pada bidang-bidang tertentu seperti seni, sejarah tempatan atau topik khusus lainnya. Keberadaan muzium persendirian memberikan kebebasan kepada pemiliknya untuk menentukan fokus dan pendekatan pengurusan muzium tersebut. Sebagai contoh, muzium persendirian seperti Muzium Peranakan di Penang. Muzium ini memaparkan warisan unik masyarakat Peranakan, yang merupakan gabungan budaya Melayu dan Cina. Dengan koleksi yang kaya termasuk pakaian tradisional, perabot dan artifak berharga, Muzium Peranakan memberikan peluang kepada pengunjung untuk menelusuri perjalanan budaya yang mengagumkan.

Selain itu, perkembangan muzium persendirian ini turut memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan negeri ini. Pelancong tidak hanya dapat menikmati keindahan seni dan sejarah tempatan, tetapi juga berpeluang untuk memahami nilai-nilai dan tradisi yang menyeluruh. Pembangunan muzium juga meningkatkan perkembangan sosio masyarakat kerana dapat mencipta peluang pekerjaan untuk penduduk setempat. Perkembangan muzium persendirian di Pulau Pinang mencerminkan keinginan untuk memastikan warisan sejarah dan kebudayaan tidak hanya hidup dalam buku sejarah, tetapi juga diteruskan melalui medium yang dapat diakses oleh masyarakat luas. Dengan terus berkembangnya muzium-muzium ini, Pulau Pinang terus menjadi destinasi yang kaya dengan pengalaman sejarah, seni dan budaya yang memikat.

Sejak tahun 1998, sejumlah muzium persendirian di Pulau Pinang telah muncul dan berjaya beroperasi hingga kini, memberikan sumbangan yang signifikan terhadap landskap budaya dan sejarah tempatan. Antara muzium-muzium ini, beberapa telah muncul sebelum dan selepas pengiktirafan UNESCO.

4.2.1 Perkembangan Muzium Persendirian sebelum Pengiktirafan UNESCO (1998-2005)

Pada tahun 1998, Batik Painting Museum menjadi salah satu destinasi yang menarik minat peminat seni. Muzium ini, yang dimiliki oleh Dr. Tan Chong Guan, menyajikan keindahan batik sebagai bentuk seni tradisional. Pengunjung dapat menikmati koleksi batik yang kaya

akan warna dan corak, serta memahami sejarah serta teknik pembuatan batik yang rumit. (Jadual 4.1)

Pada tahun 2001, Sun Yat Sen Museum muncul di Pulau Pinang dan dimiliki oleh Khoo Salma Nasution. Muzium ini menyoroti peranan Sun Yat Sen dalam sejarah China dan bagaimana pengaruhnya meluas hingga ke Pulau Pinang. Dengan koleksi artifak dan bahan pameran yang interaktif, muzium ini berhasil menghubungkan semula antara masa lalu dan kini. (Jadual 4.1)

Penang War Museum, yang beroperasi sejak tahun 2002 di bawah kepemilikan Johari Shafie, menyajikan pengalaman yang unik mengenai sejarah perang. Terletak di bekas kompleks pertahanan militer, muzium ini memungkinkan pengunjung untuk merasai suasana peperangan dan memahami peranan Pulau Pinang dalam sejarah konflik. (Jadual 4.1)

Selain itu, Glass Museum yang bermula pada tahun 2002 di bawah kepemilikan Bowie Low, menampilkan seni kaca yang memukau. Dengan karya seni yang inovatif dan kreatif, muzium ini menjadi tempat untuk menghargai keindahan dan kepelbagaian seni kaca. (Jadual 4.1)

Pada tahun 2005, Pinang Peranakan Mansion dan Penang Toy Museum muncul sebagai penambah warna dalam senarai muzium persendirian. Chung Keng Quee menjadi pemilik Pinang Peranakan Mansion yang memaparkan warisan Peranakan dengan perabot antik dan artifak berharga. Di sisi lain, Loh Lean Cheng memperkenalkan Penang

Toy Museum yang mengekalkan kenangan kanak-kanak melalui koleksi mainan klasik dan unik. (Jadual 4.1)

4.2.2 Perkembangan Muzium Persendirian selepas Pengiktirafan UNESCO (2011-2023)

Selepas pengiktirafan UNESCO pada 7 Julai 2008, bilangan muzium persendirian makin bertambah dari semasa ke samasa. Pada tahun 2011 hingga 2023, The Owl Museum di bawah kepemilikan Adrian Soh menjadi daya tarikan baru. Muzium ini menampilkan koleksi patung burung hantu yang mengagumkan, mempersembahkan kecantikan dan kepelbagaian spesies burung hantu dari seluruh dunia. Namun, muzium ini telah menamatkan operasinya pada tahun 2023. (Jadual 4.1)


Meowsum Penang, yang beroperasi dari tahun 2012 hingga 2023 juga di bawah kepemilikan Shin Yew Cheong, mengekalkan keunikan dengan tema kucing. Muzium ini menjadi tempat yang menarik bagi peminat kucing dan melibatkan pengunjung dengan seni, kraf, dan fakta-fakta menarik tentang kucing. (Jadual 4.1)

Asia Camera Museum yang muncul pada tahun 2014 di bawah kepemilikan Tony Ch'ng, menggambarkan evolusi fotografi melalui koleksi kamera lama yang menakjubkan. Colonial Penang Museum di bawah kepemilikan Jasmine Tan, yang juga bermula pada tahun 2014,

membawa pengunjung ke era kolonial dengan pameran artifak dan rekaan yang asli. (Jadual 4.1)

Pada tahun 2015, Wonderfood Museum yang dimiliki oleh Sean Lao menggambarkan kepelbagaian hidangan tempatan dan keunikan makanan Pulau Pinang. PG Gold Museum, yang beroperasi dari tahun 2015 hingga 2023 di bawah kepemilikan Dato' Wira Louis Ng Chun, menyoroti sejarah tambang emas di Pulau Pinang melalui pameran yang amat menarik. (Jadual 4.1)

Terakhir, Penang Diocesan Museum yang beroperasi sejak tahun 2018 di bawah kepemilikan Fr. Michael Cheah, memaparkan sejarah Gereja Katolik di Pulau Pinang dan sumbangan masyarakat Katolik dalam pembangunan pulau ini. Pada tahun 2023, muncul satu lagi mercu tanda budaya di Pulau Pinang, iaitu Muzium Straits and Oriental di bawah kepemilikan Ooi Wei Ming. Muzium ini menonjolkan koleksi benda-benda bersejarah, lukisan, dan artifak yang mencerminkan perjalanan sejarah Pulau Pinang dalam konteks hubungannya dengan negara-negara di sekitarnya. Pengunjung dapat menikmati pengalaman interaktif yang memikat, memberikan pemahaman mendalam tentang kekayaan budaya tempatan. (Jadual 4.1)



Rajah 4.4: perkembangan muzium-muzium persendirian dari tahun 1999 dan ke bawah hingga 2023

	TAHUN OPERASI	MUZIUM	PEMILIK
SEBELUM PENGIKTIRAFAN UNESCO	1998 hingga kini	Batik Painting Museum	Dr. Tan Chong Guan
	2001 hingga kini	Sun Yat Sen Museum	Khoo Salma Nasution
	2002 hingga kini	Penang War Museum	Johari Shafie
	2002 hingga kini	Glass Museum	Bowie Low
	2005 hingga kini	Pinang Peranakan Mansion	Chung Keng Quee
	2005 hingga kini	Penang Toy Museum	Loh Lean Cheng
	SELEPAS PENGIKTIRAFAN UNESCO	2011 hingga 2023	The Owl Museum
2012 hingga 2023		Meowsum Penang	Shin Yew Cheong
2014 hingga kini		Asia Camera Museum	Tony Ch'ng
2014 hingga kini		Colonial Penang Museum	Jasmine Tan
2015 hingga kini		Wonderfood Museum	Sean Lao
2015 hingga 2023		PG Gold Museum	Dato' Wira Louis Ng Chun
2018 hingga kini		Penang Diocesan Museum	Fr. Michael Cheah
2023 hingga kini		Straits and Oriental Museum	Ooi Wei Ming

Jadual 4.1: Senarai muzium-muzium persendirian di Pulau Pinang

4.3 Dampak Perkembangan Muzium Persendirian di Pulau Pinang terhadap Industri Pelancongan: Perspektif Masyarakat Setempat

Pulau Pinang, sebagai salah satu destinasi pelancongan yang kaya akan warisan sejarah dan budaya, telah mengalami perkembangan pesat dalam industri pelancongan, terutama dengan munculnya muzium-muzium persendirian. Perkembangan ini tidak hanya membentuk citra destinasi, tetapi juga membawa dampak yang signifikan terhadap masyarakat setempat dan pengalaman pelancong. Dalam bahagian ini akan menghuraikan tentang bagaimana perkembangan muzium persendirian di Pulau Pinang memberikan dampak positif terhadap industri pelancongan dan kesejahteraan masyarakat setempat.


4.3.1 Institusi muzium persendirian sebagai daya tarikan utama pelancongan di Pulau Pinang

Pulau Pinang kini lebih menarik dengan munculnya muzium-muzium persendirian yang unik. Muzium-muzium ini seperti Upside Down Museum dan Peranakan Mansion tidak sekadar memamerkan sejarah, tetapi memberikan pengalaman yang menarik dan berbeza. Namun begitu, kehadiran muzium-muzium ini membawa impak positif. Muzium-muzium ini tidak hanya menjadi tempat menarik pelancong, tetapi juga menjaga dan menyumbang kepada warisan budaya Pulau Pinang.

Keberadaan muzium-muzium ini membawa kesan positif kepada Pulau Pinang. Mereka bukan sahaja menjadi destinasi menarik untuk


pelancong, tetapi juga berperanan sebagai penjaga dan penyumbang kepada warisan budaya kawasan ini. Dengan cara ini, muzium-muzium persendirian telah menjadi unsur yang memperkaya pengalaman pelancongan dan memastikan warisan budaya Pulau Pinang kekal hidup.

Hasil dapatan ini memberikan gambaran yang kuat tentang pengiktirafan masyarakat terhadap peranan signifikan muzium persendirian di Pulau Pinang dalam menarik pelancong. Persetujuan sebanyak 89.3% menandakan kefahaman yang meluas terhadap peranan kebudayaan dan muzium sebagai pemangkin penting dalam industri pelancongan negeri ini. Oleh itu, pihak berkepentingan perlu mengambil langkah-langkah untuk memperkuat dan mempertahankan muzium persendirian sebagai destinasi pelancongan yang menarik yang mungkin menjadi aspek penting dalam merancang masa depan industri pelancongan di kawasan tersebut. (Rajah 4.5)




Rajah 4.5: Muzium persendirian di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam menarik pelancong

Seterusnya, dapatan yang menunjukkan bahawa 87.2% responden bersetuju bahawa muzium persendirian di Pulau Pinang dianggap sebagai daya tarikan utama untuk pelancongan budaya memberikan gambaran yang jelas tentang pentingnya institusi ini dalam mempromosikan kekayaan budaya kawasan tersebut. Kepercayaan yang tinggi ini mencerminkan kesedaran yang mendalam akan peranannya dalam menyampaikan cerita sejarah dan meraikan warisan Pulau Pinang. (Rajah 4.6)



Rajah 4.6: Muzium persendirian sebagai daya tarikan utama untuk pelancongan budaya di Pulau Pinang

Selain itu, dapatan yang menunjukkan persetujuan sebanyak 93.6% responden terhadap pandangan bahawa muzium persendirian dapat membantu meningkatkan pemahaman pelancong terhadap sejarah dan warisan di Pulau Pinang mencerminkan pemahaman yang mendalam akan peranannya sebagai ejen Pendidikan. Oleh itu, pihak berkepentingan perlu mempertimbangkan lebih lanjut strategi untuk meningkatkan kebolehcapaian, pemerksaan pendidikan dan penggunaan teknologi moden dalam upaya meningkatkan dampak positif muzium persendirian terhadap pemahaman pelancong. (Rajah 4.7)



Rajah 4.7: Muzium persendirian dapat membantu meningkatkan pemahaman pelancong terhadap sejarah dan warisan Pulau Pinang


4.3.2 Dampak institusi muzium persendirian terhadap industri hospitaliti di Pulau Pinang

Institusi muzium persendirian di Pulau Pinang memberikan dampak yang positif terhadap industri hospitaliti. Keberadaan muzium-muzium ini tidak hanya menambah daya tarikan pelancongan, tetapi juga memberikan dorongan ekonomi kepada sektor hospitaliti. Kedatangan pelancong yang tertarik untuk mengeksplorasi koleksi unik dan pengalaman interaktif di muzium-muzium persendirian turut meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penginapan, restoran dan kemudahan hospitaliti lain di sekitar kawasan tersebut.

Dengan meningkatnya jumlah pelancong yang berkunjung, industri hotel, *homestay* dan restoran di Pulau Pinang dapat menikmati pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Ini juga mencipta peluang pekerjaan tambahan dalam sektor hospitaliti, memberikan manfaat ekonomi yang lebih meluas kepada masyarakat setempat. Oleh itu, kehadiran muzium-muzium persendirian secara tidak langsung memainkan peranan penting dalam meningkatkan kelestarian dan pertumbuhan industri hospitaliti di Pulau Pinang.

Di samping itu, dapatan yang menunjukkan persetujuan sebanyak 94.9% responden terhadap kerjasama antara muzium persendirian dan pihak lain seperti perhotelan atau agensi pelancongan di Pulau Pinang mencerminkan kesedaran yang tinggi akan kepentingan tindakan bersama di antara sektor-sektor ini. Kepercayaan ini menunjukkan pemahaman

responden tentang peranan penting kolaborasi untuk memperkuat daya tarik pelancongan di kawasan tersebut. (Rajah 4.8)




Rajah 4.8: Muzium persendirian wajar berkolaborasi dengan pihak-pihak lain, seperti pihak perhotelan atau agensi pelancongan, untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan di Pulau Pinang

4.3.3 Peningkatan pengalaman pelancongan pendidikan di negeri Pulau Pinang serta imej sebagai destinasi pelancongan domestik utama di Semenanjung Malaysia

Pulau Pinang telah berhasil meningkatkan pengalaman pelancongan pendidikan dan menjelma sebagai destinasi pelancongan domestik utama di Semenanjung Malaysia. Keberhasilan ini disokong oleh keberagaman muzium, galeri seni dan pusat pembelajaran interaktif, yang menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Pemuliharaan warisan sejarah, kesenian jalanan, dan program sejarah di muzium seperti Pinang Peranakan Mansion turut memberikan daya tarikan kepada pelancong yang ingin menyelami sejarah tempatan. Kolaborasi antara institusi pendidikan dan industri pelancongan mencipta program-program sambil belajar yang menggabungkan pembelajaran formal dan informal, memperkaya pengalaman pelancong dan memberikan dorongan ekonomi kepada industri pelancongan negeri tersebut.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi yang menunjukkan persetujuan sebanyak 93.8% responden terhadap peranan penting muzium persendirian di Pulau Pinang dalam meningkatkan pengalaman pelancong dan memberikan manfaat kepada ekonomi tempatan merangkum kesedaran yang meluas akan dampak positif yang dapat dihasilkan oleh muzium. Kepercayaan ini mencerminkan penghargaan akan sumbangan muzium dalam memberikan dimensi budaya dan sejarah yang kaya kepada para pengunjung, sekaligus


mewujudkan peluang ekonomi untuk komuniti setempat. Dengan memanfaatkan hasil ini, pihak berkepentingan dapat merancang langkah-langkah lebih lanjut untuk meningkatkan keterlihatan muzium, membangunkan program ekonomi tempatan yang mampan dan mengintegrasikan peranan muzium ke dalam inisiatif pembangunan ekonomi yang lebih meluas. (Rajah 4.9)



Rajah 4.9: 5. Muzium persendirian di Pulau Pinang memainkan peranan dalam mempertingkatkan pengalaman pelancong dan memanfaatkan ekonomi tempatan

Akhir sekali, hasil dapatan telah mencatat persetujuan sebanyak 95.7% responden terhadap peranan penting muzium persendirian dalam mengekalkan atau meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan memberikan gambaran yang kuat tentang kesadaran

masyarakat terhadap sumbangan muzium terhadap ikon dan daya tarikan kawasan tersebut. Persetujuan yang tinggi ini mencerminkan pandangan positif terhadap peranan muzium persendirian sebagai elemen penting dalam membangun dan memelihara identiti Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Dengan menjadi wadah bagi warisan budaya, sejarah, dan seni, muzium dianggap sebagai elemen penting yang menyumbang kepada keunikan dan kekayaan budaya Pulau Pinang. (Rajah 5.1)



Rajah 5.1: Muzium persendirian boleh memainkan peranan dalam mengekalkan atau meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan

4.4 Kesan Pembangunan Muzium Persendirian di Pulau Pinang kepada Perkembangan Sosial Masyarakat Setempat

Pembangunan muzium persendirian di Pulau Pinang memberikan impak positif yang signifikan kepada masyarakat setempat. Keberadaan

muzium-muzium ini tidak hanya menyumbang kepada peningkatan kesedaran terhadap sejarah dan budaya, tetapi juga mencipta peluang pekerjaan dan memperkukuhkan keterlibatan komuniti dalam pemeliharaan warisan. Melalui pameran dan program pendidikan, muzium-muzium tersebut menjadi pusat pembelajaran yang menyeronokkan dan mendidik. Masyarakat setempat dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah dan budaya tempatan, menjana rasa kebanggaan terhadap identiti budaya mereka sendiri.

Selain itu, penciptaan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan membawa manfaat ekonomi yang langsung kepada masyarakat setempat. Pekerjaan sebagai pemandu pelancong, pegawai muzium, dan dalam perkhidmatan pelancongan lainnya memberikan sumber pendapatan tambahan dan peluang pekerjaan yang bermanfaat. Keterlibatan komuniti dalam pemeliharaan warisan juga menjadi ciri penting. Muzium-muzium persendirian sering bekerjasama dengan penduduk setempat dalam aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan penyumbangan koleksi. Ini bukan sahaja memperkukuhkan ikatan antara muzium dan komuniti, tetapi juga memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk turut serta dalam pelestarian warisan mereka.


4.4.1 Perkembangan Sosial Masyarakat

4.4.1a Peranan Muzium Persendirian di Pulau Pinang sebagai medium Pendidikan tentang Sejarah dan warisan Pulau Pinang.

Muzium persendirian di Pulau Pinang memainkan peranan penting sebagai medium pendidikan tentang sejarah dan warisan tempatan. Muzium ini tidak hanya memamerkan artefak dan cerita-cerita bersejarah, tetapi juga menyediakan pengalaman interaktif dan program pendidikan. Keberadaan muzium-muzium persendirian mencerminkan usaha untuk menyelamatkan dan mengekalkan warisan, serta memberi inspirasi dan inovasi melalui pemikiran kreatif. Dengan cara ini, muzium-muzium ini tidak hanya menjadi sumber pengetahuan, tetapi juga menjalin ikatan emosional dengan warisan tempatan, memperkaya pemahaman masyarakat tentang sejarah dan budaya Pulau Pinang.

Dapatan ini menggambarkan bahawa sebahagian besar responden, iaitu 86.4%, memahami dan menghargai peranan muzium persendirian dalam menyampaikan sejarah dan warisan di Pulau Pinang. Hal ini mencerminkan kesedaran yang luas di kalangan masyarakat terhadap sumbangan muzium sebagai perantaraan utama untuk mengenalkan dan merayakan aspek-aspek bersejarah dan warisan budaya kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat sebahagian kecil yang tidak pasti

atau tidak setuju. Mungkin pendapat mereka mencerminkan perbezaan pandangan atau persepsi yang perlu diperhatikan dengan lebih lanjut. Ini menunjukkan adanya ruang untuk lebih memahami keperluan atau kebimbangan kelompok minoritas tersebut dan mungkin untuk memperbaiki atau meningkatkan peranan muzium agar dapat lebih mencakup berbagai perspektif. (Rajah 5.2)




Rajah 5.2: Peranan muzium persendirian dalam menyampaikan sejarah dan warisan di Pulau Pinang.

Seterusnya, hasil dapatan ini mencerminkan persetujuan yang tinggi, iaitu sebanyak 89.3% responden, terhadap pernyataan bahawa muzium persendirian di Pulau Pinang berhasil mencerminkan kepelbagaian budaya tempatan. Hal ini mencirikan pengakuan luas terhadap peranan muzium sebagai asas yang mampu memvisualkan dan mempromosikan berbagai aspek kekayaan budaya yang dimiliki oleh Pulau Pinang. Hasil ini

memberikan isyarat yang positif untuk terus mengembangkan peranan muzium dalam merayakan keberagaman budaya tempatan.


(Rajah 5.3)



Rajah 5.3: Muzium persendirian di Pulau Pinang mencerminkan kepelbagaian budaya tempatan dengan baik.

Dapatan ini mencerminkan persetujuan yang tinggi di kalangan responden, iaitu sebanyak 93.4%, terhadap pandangan bahawa muzium persendirian dapat menjadi cara yang sangat efektif untuk memperkaya pengetahuan masyarakat tentang sejarah dan budaya di Pulau Pinang. Angka persetujuan yang tinggi ini menunjukkan penghargaan yang mendalam terhadap peranan penting muzium dalam menyampaikan informasi sejarah dan budaya dengan cara yang menarik dan mendalam. Hasil ini membentuk dasar yang kukuh untuk menyokong usaha-usaha lanjut dalam mempromosikan peranan pendidikan muzium,


mengembangkan program-program pendidikan, dan meningkatkan kebolehcapaian agar masyarakat dapat terus mendapat manfaat dari sumber pengetahuan yang terdapat di muzium persendirian Pulau Pinang. (Rajah 5.4)



Rajah 5.4: Muzium persendirian dapat menjadi satu cara yang efektif untuk memperkaya pengetahuan masyarakat tentang sejarah dan budaya di Pulau Pinang.

Selain itu, hasil dapatan ini mencerminkan sokongan yang tinggi dari sebahagian besar responden, iaitu 93.6%, terhadap pandangan bahawa muzium persendirian dapat berperanan sebagai institusi pendidikan kepada masyarakat. Ini menunjukkan kesedaran yang luas tentang kepentingan muzium sebagai sumber pengetahuan dan pusat pembelajaran yang berharga bagi penduduk di Pulau Pinang. Persetujuan yang signifikan ini mencerminkan pemahaman masyarakat terhadap peranan muzium untuk


mendidik, memberikan informasi, dan meningkatkan kesedaran tentang sejarah, seni, dan budaya. (Rajah 5.5)



Rajah 5.5: Muzium persendirian dapat menjadi institusi pendidikan kepada masyarakat

Akhir sekali, berdasarkan hasil dapatan kajian, sebanyak 83.5% responden menyatakan persetujuan terhadap pandangan bahawa muzium persendirian di Pulau Pinang memberi penekanan yang mencukupi kepada inovasi dalam penyampaian maklumat sejarah dan budaya. Persetujuan responden menunjukkan pemahaman mendalam akan kepentingan menggunakan pendekatan inovatif dalam menarik perhatian pengunjung dan membuat pembelajaran menjadi lebih menarik. Hal ini juga mencerminkan kesedaran tentang perubahan tren dan teknologi dalam penyampaian informasi, dan bagaimana muzium sebagai

sesebuah institusi harus terus berinovasi untuk tetap relevan di era globalisasi ini. (Rajah 5.6)



Rajah 5.6: Muzium persendirian di Pulau Pinang memberi penekanan yang mencukupi kepada inovasi dalam penyampaian maklumat sejarah dan budaya

4.5 Pengaruh Muzium dalam mempengaruhi Industri Pelancongan Pulau Pinang

Penyelidik telah menemubual seorang responden untuk merungkai beberapa persoalan berkaitan dengan pengaruh muzium itu sendiri terhadap industri pelancongan Pulau Pinang. Responden yang dipilih iaitu Puan Nurul Amira binti Md Isa yang merupakan seorang Kurator di Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI).

Berdasarkan pandangan Puan Amira, muzium di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi industri pelancongan di negeri tersebut. Puan Amira percaya bahawa muzium tidak hanya menjadi pusat sebaran ilmu dan pengetahuan sejarah, tetapi juga menjadi tarikan utama bagi pelancong domestik dan antarabangsa.

4.5.1 Bagaimana Puan Amira mempercayai bahawa muzium dapat mempengaruhi industri pelancongan di negeri Pulau Pinang?

Muzium merupakan salah satu pusat sebaran ilmu, penyelidikan serta penyimpanan bahan atau artifak asli/ mahupun replika bagi sejarah lampau yang memberikan manfaat kepada para ilmuan, penyelidik, institusi pendidikan mahupun masyarakat pelbagai golongan. Di Pulau Pinang, muzium utama yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri/ agensi kerajaan ataupun galeri yang bangunkan oleh pihak swasta/ persendirian menjadi salah satu lokasi tumpuan pelancong ke negeri ini. Muzium juga menjadi tempat pelancongan ilmiah yang lebih memberi manfaat terutamanya bagi yang berkeluarga, kanak-kanak dan remaja bersekolah dengan tiada kos kepada pengunjung atau tiket dengan harga berpatutan.

Puan Amira juga menyatakan bahawa muzium-muzium di Pulau Pinang bersifat unik dengan menyelaraskan diri dengan sejarah dan kebudayaan tempatan. Mereka menonjolkan identiti khusus melalui pameran dan program-program berteraskan pendidikan, menjadikan muzium sebagai destinasi menarik untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai warisan seni dan budaya Pulau Pinang.

4.5.2 Bagaimana muzium menyelaraskan diri dengan Sejarah dan kebudayaan tempatan untuk menarik perhatian pelancong?

Sesebuah muzium di suatu kawasan kebiasaannya dibangunkan dengan mempunyai fungsi utama bagi mempamer, memulihara serta memelihara kebudayaan dan warisan tempatan. Dimana perkara ini adalah merupakan identiti bagi muzium tersebut. Fungsi khusus ini akan menarik pelancong mahupun institusi pendidikan ke muzium tersebut untuk mendapatkan maklumat khusus tersebut yang lebih terperinci. Muzium-muzium juga akan menyelaraskan maklumat mengenai Sejarah dan kebudayaan supaya maklumat dan bahan pameran yang dipamerkan adalah selari. Sebagai contoh pihak Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) sedang membangunkan galeri Arkeologi Guar Kepah di Kawasan Guar Kepah dengan tujuan untuk memartabatkan arkeologi Guar Kepah tersebut, disamping turut menjadi pusat ilmu yang memaparkan kebudayaan dan warisan Pulau Pinang.

Selain itu, Puan Amira juga menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh muzium dalam mempromosikan warisan seni dan budaya Pulau Pinang termasuk program-program santai, aktiviti berteraskan pendidikan, dan penggunaan teknologi terkini seperti realiti maya dan hologram. Kerjasama antara muzium juga turut meningkatkan pelbagai bahan pameran, menjadikan muzium lebih relevan dan menarik bagi pengunjung.

4.5.3 Adakah terdapat sebarang usaha yang dilakukan oleh muzium dalam mempromosikan warisan seni dan budaya Pulau Pinang kepada pelancong domestik dan antarabangsa?

Selain pameran tetap atau pameran bermusim, kebanyakan muzium kini telah memuatkan program santai atau berteraskan pendidikan seperti Program “Bermalam di Muzium” atau aktiviti hands-on lain yang akan lebih meningkatkan penyertaan masyarakat tempatan ataupun pelancong dengan institusi muzium. Institusi muzium kini juga tampil lebih relevan dengan penggunaan elemen realiti maya (VR), hologram dan realiti terimbuh (AR) untuk membentuk muzium digital selari dengan kemajuan peradapan kini. Kerjasama pelbagai muzium seperti peminjaman artifak untuk tujuan kepelbagaian bahan pameran serta penglibatan pemain industri turut usaha dalam menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara.

Menurut Puan Amira, keunikan muzium seperti Pinang Peranakan Mansion, Rumah P. Ramlee, dan Wonder Food Museum terletak pada pendekatan yang lebih kecil-kecilan dan fokus kepada aspek kebudayaan yang spesifik. Muzium-muzium ini, yang dibangunkan oleh pihak swasta atau persendirian, menawarkan pengalaman yang lebih santai dan kasual berbanding muzium utama.

4.5.4 Pada pendapat Puan Amira, apakah keunikan muzium seperti Pinang Peranakan Mansion, Rumah P. Ramlee dan Wonder Food Museum, Pulau Pinang berbanding muzium yang lain?

Muzium seperti Pinang Peranakan Mansion, Rumah P. Ramlee dan Wonder Food Museum, Pulau Pinang dan setaranya adalah merupakan muzium yang dibangunkan secara kecil-kecilan oleh pihak swasta mahupun persendirian untuk tujuan komersial (keuntungan) disamping mempamerkan keunikan kebudayaan yang ditonjolkan muzium tersebut. Muzium-muzium tersebut menjadi pelengkap kepada muzium-muzium utama negara. Muzium-muzium tersebut mempamerkan kebudayaan atau artifak yang lebih berfokus dan spesifik bagi suatu kebudayaan atau aspek pameran berbanding muzium-muzium utama lain yang mempamerkan maklumat secara am dan menyeluruh bagi pelbagai kebudayaan dan Sejarah berdasarkan kajian yang lebih terperinci. Kebanyakan muzium-muzium tersebut lebih bersifat kasual dan santai.

Namun, mengenai statistik peningkatan jumlah pelancong ke muzium, tiada data khusus yang disediakan, tetapi Puan Amira merujuk kepada peningkatan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang secara keseluruhan selepas pandemik Covid-19. Secara keseluruhan, muzium di Pulau Pinang tidak hanya menjadi penjaga sejarah dan kebudayaan, tetapi juga penyumbang utama kepada industri pelancongan melalui inisiatif yang kreatif dan penekanan kepada keunikan tempatan.

4.5.5 Adakah terdapat statistik atau data yang menunjukkan peningkatan jumlah pelancong ke muzium?

Pada masa kini, pihak CMI masih sedang dalam pembangunan satu galeri iaitu Galeri Arkeologi Guar Kepah yang akan dioperasikan sendiri oleh CMI pada suku kedua 2024. Tiada statistik yang dapat dikongsikan. Walau bagaimanapun pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang atau mana-mana muzium yang telah beroperasi untuk maklumat statistik pelancong. Namun begitu, sekiranya dilihat kepada statistik pelancong ke muzium secara am, menunjukkan peningkatan setelah pandemik Covid-19 berdasarkan peningkatan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.

BAB 5

CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Pulau Pinang, dengan sejarah dan warisan budayanya yang kaya, telah lama menjadi destinasi pelancongan yang menarik. Muzium di Pulau Pinang memainkan peranan yang signifikan dalam memahami dan mengapresiasi sejarah serta keunikan tempatan. Dalam kajian ini telah meneliti sejauh mana kefahaman masyarakat mengenai peranan muzium dan bagaimana pengaruh muzium mempengaruhi industri pelancongan di Pulau Pinang. Muzium di Pulau Pinang menyajikan kisah sejarah, seni dan budaya yang unik. Kajian kefahaman masyarakat terhadap peranan muzium sebagai pemelihara warisan dan penarik pelancongan akan memberikan wawasan tentang sejauh mana penduduk tempatan menghargai kontribusi muzium terhadap identiti dan daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, muzium tidak hanya menjadi penjaga warisan, tetapi juga pemangkin industri pelancongan. Pengaruh muzium dalam menarik pelancong, mencipta peluang pekerjaan dan meningkatkan ekonomi setempat perlu dianalisis. Kita akan mengkaji sejauh mana masyarakat menyedari kontribusi muzium terhadap pertumbuhan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

5.2 Cadangan

5.2.1 Individu

Individu mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang sejarah dan budaya Pulau Pinang. Salah satu cara yang paling berkesan adalah dengan menghadiri program pendidikan muzium yang ditawarkan di tempat-tempat warisan. Dengan cara ini, individu bukan sahaja dapat memahami nilai-nilai budaya, tetapi juga mendalami pengalaman mereka melalui panduan pakar dan pameran interaktif. Selain itu, individu boleh terlibat dalam aktiviti sosial yang membawa kesedaran tentang kepentingan melestarikan warisan budaya. Sertai kumpulan pengekal warisan atau turut serta dalam kempen kebudayaan akan memberi peluang untuk berkongsi pengetahuan dan menyuarakan kebimbangan terhadap pelestarian warisan Pulau Pinang.

5.2.3 Masyarakat

Komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam menggemirakan dan memajukan destinasi pelancongan di Pulau Pinang. Dalam konteks muzium, penglibatan komuniti bukan sekadar memperkukuhkan ikatan antara pendidikan dan warisan budaya, tetapi juga dapat membentuk muzium sebagai pusat pelancongan yang berendidi. Penglibatan komuniti dalam pengurusan dan promosi muzium adalah kunci untuk mencipta pengalaman yang bersifat inklusif dan bermakna. Program pendidikan tempatan, seperti ceramah, bengkel, atau lawatan

64endidi, memberikan peluang kepada komuniti untuk mendalami pengetahuan mereka tentang warisan dan 64endidi tempatan. Aktiviti sukarela juga memberikan platform untuk 64endidikan berkongsi 64endidika mereka dan turut terlibat secara langsung dalam aktiviti muzium. Penganjuran acara 64endidi antara muzium dan komuniti tempatan tidak hanya memupuk semangat kesatuan, tetapi juga meningkatkan kesedaran 64endidikan terhadap warisan budaya yang mereka miliki. Ini mencipta ikatan yang kukuh dan menunjukkan bahawa muzium adalah satu sumber bangga untuk komuniti tempatan.

5.2.4 Pihak NGO

Non-Governmental Organizations (NGO) memegang peranan penting dalam membentuk kefahaman 64endidikan terhadap nilai warisan dan ekonomi di sekitar muzium. Dalam konteks Pulau Pinang, NGO memainkan peranan sebagai penggerak kesedaran dan penyokong 64endidikan64 industri pelancongan melalui muzium. NGO yang menjalankan kempen advokasi berperanan sebagai suara 64endidikan sivil yang memperjuangkan kepentingan muzium dalam melestarikan warisan dan mencipta peluang ekonomi. Kempen ini membantu meningkatkan kesedaran 64endidikan tentang peranan muzium dalam menyimpan dan menyampaikan cerita warisan. Program 64endidikan dan bengkel yang dianjurkan oleh NGO memberikan ruang untuk mendalami pengetahuan 64endidikan terhadap nilai budaya dan 64endidi. Pendidikan ini tidak

hanya membentuk pemahaman yang lebih mendalam, tetapi juga membuka peluang bagi pendidikan untuk terlibat secara aktif dalam menjaga dan menyokong muzium. NGO memainkan peranan penting dalam merentas divisi antara pendidikan dan muzium, menyediakan platform untuk pertukaran idea dan pengetahuan.

5.2.5 Kerajaan

Pembangunan dan pemeliharaan infrastruktur pelancongan adalah aspek penting dalam menyokong muzium sebagai destinasi pelancongan. Kerajaan memainkan peranan sentral dalam menyediakan aksesibiliti yang baik ke muzium. Pelbagai pendidikan diambil, termasuk penambahbaikan jalan raya, pengangkutan awam yang berkesan, dan penyediaan kemudahan parkir yang selesa untuk pengunjung. Selain itu, sokongan pendidikan dalam pendidikan pusat pelancongan yang terintegrasi, yang mencakup muzium, hotel dan kemudahan perkhidmatan, dapat memperkukuh daya tarikan destinasi. Keberkesanan infrastruktur adalah kunci untuk menarik lebih banyak pelancong dan memberikan pengalaman yang positif.

Pengurusan muzium yang cemerlang adalah pendidikan utama yang menyumbang kepada kejayaan industri pelancongan. Kerajaan, melalui perundangan dan garis panduan yang kukuh, boleh memastikan bahawa pengurusan muzium berjalan dengan efisien. Ini termasuklah dasar-dasar penyelenggaraan, standard pameran, dan kriteria pengekalan warisan.

Sokongan kewangan dan bantuan dari 66endidik juga memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan 66endidikan66 muzium. Dana yang mencukupi membolehkan muzium memperbaharui pameran, menyelenggara fasiliti, dan menjalankan program 66endidikan bagi meningkatkan daya tarikan.

5.3 Rumusan

Kajian ini menyoroti permasalahan utama yang dihadapi oleh muzium dalam konteks meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang. Kejatuhan populariti muzium dapat dilihat sebagai hasil dari perubahan persepsi masyarakat terhadap muzium itu sendiri, yang mungkin dipengaruhi oleh peningkatan penggunaan media sosial dan daya tarikan lain dari institusi hiburan dan pendidikan. Meskipun demikian, terdapat kesedaran yang semakin meningkat tentang sumbangan muzium terhadap pertumbuhan ekonomi sektor pelancongan di negeri ini. Kesimpulan ini menggariskan keperluan untuk mengatasi perubahan persepsi masyarakat dan meningkatkan daya tarik muzium sebagai destinasi pelancongan. Dalam konteks ini, penyelidikan lebih lanjut dan tindakan strategik perlu diambil untuk memperbaharui dan meningkatkan pengalaman pengunjung di muzium-muzium Pulau Pinang. Kesedaran terhadap peranannya dalam pertumbuhan ekonomi pelancongan juga perlu dipupuk untuk mendapatkan sokongan masyarakat yang lebih besar terhadap muzium sebagai aset berharga dalam menggerakkan industri pelancongan negeri ini. Dengan memahami dan menangani permasalahan yang dikenal pasti, muzium di Pulau Pinang boleh terus

berperanan sebagai pemangkin penting dalam industri pelancongan dan pemeliharaan warisan budaya. Dengan implementasi cadangan ini, muzium di Pulau Pinang dapat memperbaharui daya tarik mereka, menjadikan destinasi ini lebih menarik bagi pelancong tempatan dan antarabangsa. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan dan pemeliharaan warisan budaya negeri. Dengan kerjasama bersama, Pulau Pinang dapat mempertahankan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan yang unik dan menyeluruh.

RUJUKAN

- Abu Talib Ahmad (2015). Konsep Dan Prinsip Muzium Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia. *Jurnal Fakulti Pengajian Islam UKM, Bil. 33*, 51-71.
- Arus, R. (2007). The Impact of Social Media on Museum Communication. *The Journal of New Media and Cultural Studies*, 15(2), 231-245.
- Chua, Y. P. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Isu-isu, Metodologi dan Analisis*. Penerbit Universiti Malaya.
- Dato' Palman Keromo. (Year unknown). Penggerak Pertumbuhan Ekonomi Pelancongan Negara. *Majalah Muzium*, 25(3), 10-15.
- Faizah Abd Razab (2020). Konsep Warisan Sejarah dan Budaya dalam Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Malaysia: Kajian di Kelantan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2020*. Universiti Teknologi Mara.
- Faizah Abdul Razab. (2020). Muzium Malaysia dan Peranannya dalam Mempelajari Sejarah dan Budaya. <https://www.sinarharian.com.my/article/88709/EDISI/Jelajah/Muzium-Malaysia-dan-Peranannya-dalam-Mempelajari-Sejarah-dan-Budaya>
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2007). *How to Design and Evaluate Research in Education*. McGraw-Hill.
- George E. Hein (2000). *Learning in the Museum*. Routledge.
- Hua, N. (2016). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis, Kertas Projek dan Laporan Penyelidikan*. McGraw-Hill Education.

- International Council Organization of Museum (ICOM, 1974). The Definition of a Museum. ICOM.
- Jabatan Komunikasi Korporat | Jabatan Muzium Malaysia (2016). Muzium di Malaysia.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2021). Laman Rasmi Jabatan Muzium Malaysia. <http://www.jmm.gov.my/>
- Jabatan Muzium Malaysia (JMM). (2014). Dasar Pemerolehan Koleksi, Dasar Penyelidikan, Teknik dan Konsep Pameran, Kaedah Pemuliharaan dan Program Pendidikan dan Pembangunan Muzium.
- Jalal, R., Nur Fadhilah Hasri, M.K., Nor Hashima Hashim, F. (2019). The Impacts of Colonialism on the Heritage Policies of Malaysia. 7th International Conference on Local Knowledge (ICLK 2018). Atlantis Press.
- John E. Simmons (2014). Museum Economics and the Community. Altamira Press.
- Jones, R.B. (2008). Emplotting Material Culture: Approaches to Anthropological Archaeology. Springer.
- Mathieson, A. dan Wall, G. (1991). Tourism: Economic, Physical, and Social Impacts. Longman Scientific & Technical.
- Nikmatul Adha Nordin & Rosilawati Zainol (2013). Destination Image as a Mediator in Tourism Destination Selection. International Journal of Business and Social Science, Vol. 4, No. 5, 1-9.
- Randolph Starn (2005). Purwanisme and the Invention of Indonesia. The Journal of Asian Studies, Vol. 64, No. 4, 879-905.
- Ritchie BW (2003). Educational Tourism: A New Market for the New Millennium. Journal of Vacation Marketing, Vol. 9, No. 3, 271-284.

- Sacred Heart University. (n.d.). Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners. Dicapai pada 4 Julai 2023, dari <https://www.sacredheart.edu/media/sacredheartuniversity/academics/collegeofartsandsciences/socialwork/2022ResearchMethodologyCourseInformation.pdf>
- Shamsul Amri Baharuddin (1983). National Integration in Malaysia: An Analysis of the Concept of "Unity in Diversity". *Kajian Malaysia*, Vol. 1, No. 2, 31-48.
- Tony (2012). The Economic and Social Contributions of Museums. Tony's Ticker Blog.
- UNESCO. (2021). United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://en.unesco.org/>
- UNESCO Malaysia. (2018). Pulau Pinang dan Melaka – Tapak Warisan Dunia. https://www.unesco.org/new/en/jakarta/about-this-office/single-view/news/penang_and_malacca_world_heritage_sites/#.YQIIRJBR2Uk
- Unit Perancang Ekonomi (2012). Program Transformasi Ekonomi, Hala Tuju Malaysia, Bab 10: Memperkasakan Industri Pelancongan. Putrajaya.

LAMPIRAN

Umur	Frekuensi	Peratus (%)
20 tahun dan ke bawah	23	16.4
21-30	51	36.4
31-40	17	12.1
41-50	27	19.3
51 tahun dan ke atas	22	15.7
Jumlah Keseluruhan	140	100

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: (Kajian Lapangan, 2023)

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	58	41.4
Perempuan	82	58.6
Jumlah Keseluruhan	140	100

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber: (Kajian Lapangan, 2023)

Pekerjaan	Frekuensi	Peratus (%)
Bekerja	60	42.9
Tidak bekerja	39	27.9
Pelajar	41	29.3
Jumlah Keseluruhan	140	100

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan
Sumber: (Kajian Lapangan, 2023)

Manfaat muzium terhadap pelancongan dalam negeri Pulau Pinang.	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Adakah anda percaya bahawa muzium di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam menarik pelancong?	12	1.4	1	0.7	12	8.6	44	31.4	81	57.9
Adakah anda memandangi muzium sebagai daya tarikan utama untuk pelancongan budaya di Pulau Pinang?	1	0.7	3	2.1	14	10	54	38.6	68	48.6
Adakah anda percaya bahawa muzium dapat membantu meningkatkan pemahaman pelancong terhadap sejarah dan warisan Pulau Pinang?	1	0.7	0	0	8	5.7	43	30.7	88	62.9

Jadual 4.3.1: Institusi muzium persendirian sebagai daya tarikan utama pelancongan di Pulau Pinang

Manfaat muzium terhadap pelancongan dalam negeri Pulau Pinang.	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Adakah wajar muzium berkolaborasi dengan pihak-pihak lain, seperti pihak perhotelan atau agensi pelancongan, untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan di Pulau Pinang?	1	0.7	1	0.7	5	3.6	46	32.9	87	62.1

Jadual 4.3.2: Dampak institusi muzium persendirian terhadap industri hospitaliti di Pulau Pinang

Manfaat muzium terhadap pelancongan dalam negeri Pulau Pinang.	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Adakah muzium di Pulau Pinang memainkan peranan dalam mempertingkatkan pengalaman pelancong dan memanfaatkan ekonomi tempatan?	2	1.4	0	0	8	5.7	59	42.1	71	50.7
Adakah muzium boleh memainkan peranan dalam mengekalkan atau meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan?	1	0.7	1	0.7	4	2.9	55	39.3	79	56.4

Jadual 4.3.3: Peningkatan pengalaman pelancongan Pendidikan di negeri Pulau Pinang serta imej sebagai destinasi pelancongan domestik utama di Semenanjung Malaysia

Peranan Muzium	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Adakah anda faham tentang peranan muzium dalam menyampaikan sejarah dan warisan di Pulau Pinang?	2	1.4	1	0.7	16	11.4	51	36.4	70	50
Adakah anda bersetuju bahawa muzium di Pulau Pinang mencerminkan kepelbagaian budaya tempatan dengan baik?	3	2.1	0	0	12	8.6	51	36.4	74	52.9

Adakah anda bersetuju bahawa muzium dapat menjadi satu cara yang efektif untuk memperkaya pengetahuan masyarakat tentang sejarah dan budaya di Pulau Pinang?	2	1.4	0	0	8	5.7	45	32.1	85	60.7
Adakah anda bersetuju bahawa muzium dapat menjadi institusi pendidikan kepada masyarakat?	2	1.4	0	0	7	5	47	33.6	84	60
Adakah muzium di Pulau Pinang memberi penekanan yang mencukupi kepada inovasi dalam penyampaian maklumat sejarah dan budaya?	2	1.4	2	1.4	19	13.6	58	41.4	59	

Jadual 4.4.1: Perkembangan Sosial Masyarakat